

Harian Metro
29 May 2023



'Pelaburan luar biasa di Malaysia'

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my



STRAIN (tengah) pada pelancaran majlis sambutan ulang tahun ke-10 Sun Life.

Petaling Jaya: Sun Life akan terus meneroka peluang pasaran di Malaysia sekali gus mencapai pertumbuhan signifikan melalui segmen pendedaran bankasurans dan bancatakal dengan menggunakan kedua-dua saluran agensi langsung dan hibrid.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life, Kevin Strain berkata, pihaknya sangat berbangga dengan Malaysia dan bukan hanya mengenai pertumbuhan yang berjaya dicapai sejak 10 tahun lalu.

"Kami sudah melihat pihak berkepentingan, rakan kongsi, penasihat dan komuniti kami mendapat manfaat daripada Sun Life Malaysia.

"Kami meraih tiga kali ganda pertumbuhan dalam pendapatan dan hampir separuh daripada pelaburan Sun Life dan Khazanah Nasional Bhd yang dibuat dalam dividen tunai.

"Oleh itu, kami sudah melakukan pelaburan luar biasa di Malaysia dan memberi perkhidmatan kepada lebih 1.2 juta pelanggan," katanya pada sidang media selepas pelancaran majlis sambutan ulang tahun ke-10 Sun Life di sini, baru-baru ini.

Sun Life Malaysia Assurance Bhd dan Sun Life Malaysia Takaful Bhd adalah usaha sama oleh Sun Life dan Khazanah.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden/Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew berkata, pihaknya komited untuk membantu rakyat Malaysia menjamin masa depan kewangan mereka dan menjalani kehidupan lebih sihat.

"Saya bangga untuk menyatakan bahawa selama 10 tahun yang lalu, kami tidak pernah mengetepikan misi itu. Kami menjadikan perlindungan lebih mudah diakses oleh pelanggan kami dan rakyat Malaysia dan lebih penting, membantu mereka mencapai aspirasi kewangan dan kesihatan mereka.

"Selain itu, perkongsian bankasurans dengan CIMB Bank akan terus diperkukuh dan kami akan meluaskan rangkaian pengedaran kami termasuk melaksanakan pendigitalan.

"Namun begitu, kami juga melihat ramai pelanggan suka menggunakan khidmat penasihat secara bersemuka dan untuk itu kami juga akan memperluas agensi langsung," katanya.

Sun Life Malaysia juga menyaksikan peningkatan penerimaan terhadap perlindungan insurans dan takaful berikutan pandemik Covid-19 dan sedang berusaha untuk menawarkan perlindungan insurans dan takaful yang boleh diakses kepada segmen pelanggan yang kurang mendapat perkhidmatan terbabit.

Disiarkan pada: Mei 29, 2023 @ 10:31am